

The Willingness, Acceptance And Operation of Design and Technology Teachers on practice in School Based Assessment

Kesediaan, Penerimaan Dan Pengoperasian Guru Reka Bentuk dan Teknologi Terhadap Amalan dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah

Siti Nor Aisah Moktar, Zaliza Hanapi*, Tee Tze Kiong, Suriani Mohamed, Ridzwan Che Rus

Fakulti Teknikal Dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Jalan Universiti, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: zaliza.hanapi@ftv.upsi.edu.my

Article history: Received: 17 September 2017 Received in revised form: 24 March 2018 Accepted: 6 Jun 2018 Published online: 22 November 2018

Abstract

This study aims to identify the readiness, acceptance and operation of Design and Technology teachers on Practice in School-Based Assessment (PBS). PBS is a holistic assessment that assesses cognitive (intellectual), affective (emotional and spiritual) aspects and psychomotor (physical) in line with the National Education Standard and Primary School Curriculum (KSSR) Philosophy. This study aims to examine the implementation of PS practices on Design and Technology teachers in national schools in the southern states of Negeri Sembilan, Melaka and Johor. Elements to be studied are the level of teacher practice in the implementation of PS. The sampling type used was a simple random sampling where the sample of the study was 275 teachers consisting of teachers who taught Year 4, 5 and 6 of the 275 selected schools. The research instrument used was a questionnaire distributed to respondents. A total of 12 questionnaire items have been developed and have gone through the validity and reliability process. Teachers practice before, during and after the assessment is good at min 3.9673, 4.0029 and 4.0218 respectively. Data collected were analyzed using Statistical Packages For Social Science (SPSS) software. Overall, the findings show that the practice of teachers in implementing the School Assessment is at a good level with the overall mean of 4.0048 and the standard deviation of .57239. Hopefully, the results of this study will help to better teachers in implementing the School Assessment.

Keywords: Teacher practice, school based assessment, design and technology

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap amalan dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PBS merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan amalan PS terhadap guru Reka Bentuk dan Teknologi di sekolah kebangsaan negeri-negeri di zon selatan iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Elemen yang akan dikaji ialah tahap amalan guru dalam pelaksanaan PS. Jenis persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak mudah dimana sampel kajian adalah seramai 275 orang guru yang terdiri daripada guru yang mengajar murid Tahun 4, 5 dan 6 dari 275 buah sekolah yang telah dipilih. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Sebanyak 12 item soal selidik telah dibina dan telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan. Amalan guru sebelum, semasa dan selepas melaksanakan pentaksiran adalah baik masing-masing dengan min 3.9673, 4.0029 dan 4.0218. Data yang telah dikumpul dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages For Social Science (SPSS). Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa amalan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Sekolah berada di tahap yang baik dengan min keseluruhan ialah 4.0048 dan sisihan piawai .57239. Semoga dari hasil kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu para guru dalam melaksanakan Pentaksiran Sekolah dengan lebih baik lagi.

Kata kunci: Amalan guru, pentaksiran berasaskan sekolah, reka bentuk dan teknologi

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). PBS mentaksir bidang akademik dan bukan akademik (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2011). PBS dikendalikan di sekolah secara terancang dan guru-guru adalah sebagai pelaksana mengikut mata pelajaran masing-masing secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Konsep PBS bukanlah sesuatu yang baru kerana ianya telah dilaksanakan oleh guru melalui kuiz, kerja rumah, projek, soal jawab dan lain-lain. PBS yang dicadangkan ini merupakan penambahbaikan kepada PBS yang

telah sedia dilaksana dengan memperkenalkan pentaksiran merujuk standard dan aplikasi Sistem Pengurusan PBS (SPPBS) untuk membantu guru merekod pencapaian murid secara berterusan (KPM, 2011).

PBS yang dilaksanakan ini adalah bersifat alternatif dan autentik. Pentaksiran alternatif bermaksud penilaian yang dilakukan bukan dalam bentuk peperiksaan atau ujian bertulis. Murid akan dinilai berasaskan penglibatan mereka yang aktif dalam menggunakan pengetahuan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Pentaksiran autentik pula merujuk kepada pentaksiran yang dijalankan dalam pelbagai bentuk seperti kerja kursus, membuat projek, melakukan persembahan, aktiviti jasmani, aktiviti kokurikulum, di samping membentuk sahsiah, budi pekerti dan pembinaan jati diri murid sebenar (Salmiah, 2012).

Pentaksiran yang dijalankan pada hari ini iaitu PBS bertujuan untuk mengesan dan memantau perkembangan serta pencapaian murid dalam pembelajaran menerusi Modul Perakodan Perkembangan Pembelajaran Murid. Ini diharapkan dapat mencungkil potensi dan bakat murid dalam pelbagai bidang selain akademik. PBS bagi mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi wajib dilaksanakan oleh murid Tahap 2 iaitu Tahun 4, 5 dan 6 berpandukan kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang telah disediakan yang mengandungi kriteria pencapaian yang berasaskan setiap kelompok standard kandungan dan standard pembelajaran yang ditetapkan. Mata pelajaran ini memberikan tumpuan untuk menyediakan murid dengan pengetahuan dan kemahiran asas yang membolehkan mereka menyambung pelajaran dalam bidang teknikal dan vokasional di peringkat menengah.

Guru merupakan faktor penting dalam pelaksanaan PBS kerana merekalah yang bertanggungjawab dari mula hingga ke akhir proses pelaksanaannya. Maka, pengoperasian PBS merupakan tanggungjawab guru untuk memastikan penjaminan kualiti dalam pentaksiran. Menurut Clarke (2005), pemantauan adalah kunci utama untuk memastikan ketekalan dan kesinambungan yang dapat menunjukkan kesamaan dengan keadaan sebenar dalam melaksanakan pentaksiran di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, ada ketikanya pemantauan kepada kumpulan murid yang berbeza akan menimbulkan pertanyaan sama ada pihak sekolah betul-betul berkesan dalam melaksanakan pentaksiran serta memenuhi keperluan murid untuk melaksanakan pentaksiran dengan betul. Melalui pemantauan, kesahan pentaksiran dapat dipastikan sementara penyetaraan skor yang dilakukan secara dalaman atau secara luaran pula dapat meningkatkan kebolehppercayaan dalam pentaksiran.


■2.0 KERANGKA TEORI DALAM KAJIAN

Kajian yang akan dijalankan ini adalah berdasarkan dua model yang telah dikenal pasti iaitu Model Amalan Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (2007) dan Model Input Output Slavian (1994).

Model Amalan Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah telah dihasilkan oleh Abdul Zubir (2007) yang merangkumi amalan-amalan guru dalam melaksanakan PBS di sekolah-sekolah. Model Input Output Slavian adalah berdasarkan input dan output. Input adalah berdasarkan model Slavin (1994) yang mengatakan bahawa pengajaran guru yang berkesan di pengaruhi oleh empat faktor, iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa yang menjadi variabel tidak bersandar, manakala output pula adalah peningkatan dalam pencapaian akademik pelajar yang berupa variabel bersandar.

■3.0 KERANGKA KONSEP

Rajah 1 menunjukkan kerangka konsep perhubungan di antara amalan dengan kesediaan, penerimaan dan pengoperasian PBS



Rajah 1 Hubungan di antara amalan dengan kesediaan, penerimaan dan pengoperasian PBS

Matlamat kajian ini adalah mengenal pasti dan melihat sejauh mana amalan-amalan yang diamalkan oleh guru dalam melaksanakan PBS dalam mata pelajaran RBT berdasarkan model amalan guru dalam pelaksanaan PBS. Kajian bertujuan untuk mengenal pasti hubungan kesediaan, penerimaan, pengoperasian dan pencapaian murid dengan amalan guru RBT ketika melaksanakan PBS.

Amalan kesediaan guru yang terdiri daripada latihan (kursus), pengetahuan dan kemahiran berinteraksi dengan amalan penerimaan guru yang merangkumi sikap, kepercayaan dan kemahuan. Manakala, bagi amalan pengoperasian pula terdiri daripada pemantauan, kemudahan, kos dan masa. Ketiga-tiga amalan ini berhubung kait dengan amalan dalam pelaksanaan PBS.

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara kesediaan, penerimaan dan pengoperasian guru terhadap amalan mereka dalam pelaksanaan PBS dan juga pencapaian murid dengan pelaksanaan PBS di sekolah-sekolah rendah ketika ini.

■4.0 METODOLOGI

Populasi kajian

Populasi ialah kumpulan sasaran penyelidikan supaya sesuatu dapatan kajian dapat diaplikasikan (Fraenkel & Wallen, 1990). Dalam kajian ini populasi sasaran penyelidikan terdiri daripada semua guru di seluruh zon selatan Semenanjung Malaysia yang mengajar mata pelajaran RBT. Berdasarkan Jadual 1, terdapat sejumlah 975 orang guru yang mengajar mata pelajaran RBT pada tahun 2016 di zon selatan Semenanjung Malaysia. Pengkaji tidak menggunakan keseluruhan populasi kerana masalah kos dan masa, dan sampel yang dipilih ini dapat memberi gambaran keputusan keseluruhan tentang pelaksanaan PBS di sekolah-sekolah. Oleh itu, seramai 275 orang guru yang mengajar mata pelajaran RBT di sekolah-sekolah rendah sesi persekolahan tahun 2016 telah dijadikan responden dalam kajian ini. Penentuan sampel dipilih secara rawak sistematik di mana pengkaji menyusun senarai nama guru mengikut zon bagi memastikan setiap guru di zon tersebut mempunyai peluang untuk dipilih sebagai responden kajian. Pemilihan sampel telah dibuat secara rawak bagi memberi peluang yang sama kepada individu untuk terlibat sebagai sampel kajian ini dalam mewakili populasi yang dikaji (Mohd Majid, 2000).

Jadual 1 Perincian pemilihan saiz sampel bagi guru RBT di sekolah rendah zon selatan

Bil	Zon	Negeri	Daerah mengikut negeri	Jumlah Sekolah Mengikut Negeri	Bilangan Saiz Sampel Diperlukan
1	Selatan	Johor	Johor Bahru	619	174
2			Kulai		
3			Pontian		
4			Kota Tinggi		
5			Kluang		
6			Segamat		
7			Muar		
8			Batu Pahat		
9			Mersing		
10			Tangkak		
11		Melaka	Melaka Tengah	150	42
12			Alor Gajah		
13		Jasin	Negeri Sembilan	206	59
14		Seremban			
15		Rembau			
16		Kuala Pilah			
17		Jempol			
18		Jejebu			
19		Tampin			
20		Port Dickson			
			Jumlah N=975	n=275	

Prosedur

Instrumen yang digunakan bagi mengumpul data kajian ini adalah merupakan soal selidik yang terbahagi kepada lima bahagian iaitu A hingga F. Bahagian-bahagian tersebut bertujuan mengenal pasti kesediaan, penerimaan dan pengoperasian dalam amalan guru melaksanakan PBS dalam mata pelajaran RBT di sekolah-sekolah rendah pada masa kini dan juga untuk mengenal pasti pencapaian murid sepanjang PBS dijalankan. Jumlah item bagi soal selidik ini adalah sebanyak 150 item.

Prosedur pengumpulan data

Kajian ini menggunakan maklum balas dari guru RBT sekolah rendah di zon selatan Semenanjung Malaysia. Bagi tujuan kajian ini, sebanyak 344 soal selidik telah di hantar kepada responden melalui pos menggunakan senarai nama sekolah yang dipilih di peringkat awal secara rawak sistematik. Tambahan sebanyak 125 peratus adalah bagi membolehkan pemilihan jawapan yang benar-benar tepat dapat dilakukan. Selain itu, pengkaji menyediakan sampul surat berstem alamat pengkaji bagi memudahkan responden menjawab dan menghantar semula soal selidik tersebut.

Tambahan pula, pengkaji telah menghantar surat iringan yang mengandungi maklumat dan arahan menjawab soal selidik tersebut serta tarikh akhir soal selidik diserahkan semula kepada pengkaji. Selain itu, pengkaji juga melampirkan satu surat kebenaran menjalankan kajian oleh KPM dan JPN.

Analisis data

Instrumen soal selidik yang telah diterima melalui kajian tinjauan sebenar telah dikodkan untuk memudahkan proses memasukkan data ke dalam komputer dengan menggunakan perisian komputer *Statistical Package for Sosial Science (SPSS)* untuk dianalisis.

Analisis data yang terlibat di dalam kajian ini melibatkan analisis deskriptif untuk latar belakang dan pengalaman pendidikan responden. Selain itu, analisis korelasi telah digunakan untuk mengetahui hubungan latar belakang dan pengalaman pendidikan dengan amalan guru RBT melaksanakan PBS. Analisis korelasi juga digunakan untuk mengetahui hubungan konstruk kesediaan, penerimaan dan pengoperasian dengan amalan guru melaksanakan PBS serta pencapaian murid. Selain itu, analisis regresi pelbagai juga digunakan dalam kajian ini untuk mengenalpasti hubungan di antara konstruk kesediaan, penerimaan dan pengoperasian PBS.

Sebelum proses analisis dilakukan, prosedur penyemakan data (*data screening*) dijalankan untuk menentukan ketepatan data yang dimasukkan dan pemeriksaan ke atas kehilangan data (*missing data*).

5.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Keputusan

Kesediaan adalah berkaitan dengan kursus atau latihan PBS, pengetahuan dan juga kemahiran guru dalam melaksanakan PBS di sekolah. Keputusan deskriptif dalam Jadual 2 menunjukkan konstruk kesediaan pengetahuan berada pada min paling tinggi (Min=4.07) diikuti pula oleh latihan (Min=4.02) dan seterusnya kemahiran (Min=4.01). Secara keseluruhannya, responden mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai Pentaksiran Berasaskan Sekolah kemudian diikuti oleh latihan dan kemahiran untuk melaksanakan PBS di sekolah.

Dapatan ujian deskriptif konstruk penerimaan pula menunjukkan kepercayaan berada pada min yang paling tinggi (Min=4.00) diikuti oleh sikap (Min=3.97) dan seterusnya kemahuan (Min=3.95). Hal ini bermakna, guru percaya PBS dapat membantu mereka meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas di samping dapat menilai pencapaian murid secara lebih menyeluruh. Selain itu, guru juga percaya bahawa mereka dapat membimbing murid ke tahap yang lebih baik serta meningkatkan pencapaian mereka dalam peperiksaan.

Guru juga percaya bahawa PBS boleh merapatkan jurang perbezaan antara murid lemah dengan murid yang cemerlang kerana melalui PBS motivasi murid dapat dipertingkatkan. Namun, sikap guru terhadap pelaksanaan PBS menunjukkan mereka kurang yakin bahawa PBS merupakan penilaian terbaik yang dapat menggantikan sistem penilaian sedia ada sehingga menjejaskan kemahuan mereka melaksanakan PBS dengan lebih baik dan berkesan.

Dapatan ujian deskriptif pengoperasian pula menunjukkan kemudahan, kos dan masa mempunyai min paling tinggi (Min=3.95), diikuti pula oleh kesan pemantauan (Min=3.92) dan seterusnya ialah kekerapan pemantauan dengan min paling rendah (Min=3.68). Bahagian pengoperasian menunjukkan tahap paling tinggi pada kemudahan, kos dan masa diikuti oleh kesan pemantauan dan kekerapan pemantauan.

Secara keseluruhannya, kemudahan, kos dan masa sangat memberi kesan positif kepada guru kerana ia merupakan perkara utama dalam usaha memastikan guru melaksanakan pentaksiran mengikut garis panduan yang betul dan waktu mengajar yang terhad iaitu 2 waktu seminggu amat menyesakkan dimana guru kesuntukkan masa untuk melaksanakannya. Manakala, kesan pemantauan dan kekerapan pemantauan menunjukkan kesan yang rendah terhadap pelaksanaan PBS pada ketika ini di sekolah-sekolah.

Jadual 2 Hasil ujian deskriptif kesediaan, penerimaan dan pengoperasian

	Min	Sisihan piawai
Kesediaan:		
Latihan	4.02	.53881
Pengetahuan	4.07	.45484
Kemahiran	4.01	.46440
Penerimaan:		
Kepercayaan	4.00	.52181
Sikap	3.95	.55115
Kemahuan	3.97	.54354
Pengoperasian:		
Kekerapan pemantauan	3.68	.87932
Kesan pemantauan	3.92	.66260
Kemudahan	3.95	.66155
Kos dan masa	3.95	.62607
N=275		

Perbincangan

Kesediaan guru melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) berhubung rapat dengan latihan (kursus) yang telah diikuti, pengetahuan yang guru ada dan terima dalam kursus mengenai PBS dan kemahiran guru dalam melaksanakannya. Hasil dapatan kajian, menunjukkan guru-guru RBT mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai ilmu PBS. Hal ini jelas menunjukkan guru memahami dasar dan konsep PBS, dan bagaimana untuk melaksanakan PBS ini di dalam bilik darjah mengikut cara yang betul kerana separuh daripada mereka telah pun mengikuti kursus berkaitan PBS.

Guru-guru dapat membezakan di antara penilaian sumatif dengan formatif dan bersedia untuk menilai murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung berdasarkan projek yang dilaksanakan murid. Selain itu, guru juga bersedia menaksir semula murid yang mendapat skor yang rendah bagi memperbaiki skor murid tersebut. Jadi, guru-guru faham dan tau kepentingan PBS ini dilaksanakan.

Bagi konstruk kesediaan iaitu latihan dan kursus, tahap min berada pada tahap baik. Hal ini kerana ramai guru yang bersetuju dengan soalan-soalan dalam konstruk latihan ini. Guru-guru menerima kursus yang mencukupi untuk melaksanakan PBS bagi mata pelajaran RBT di sekolah. Guru-guru juga mendapati kursus pelaksanaan PBS yang diterima membantu guru dalam melaksanakan PBS dan jurulatih ketika kursus tersebut mempunyai pengetahuan yang luas tentang pelaksanaan PBS ini. Hal ini sangat membantu guru dalam meningkatkan kefahaman dan keyakinan guru untuk melaksanakan PBS dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, bahan yang diterima semasa kursus juga membantu guru dan guru bersetuju bilangan kursus seperti PBS ini perlu ditambah pada masa hadapan untuk meningkatkan lagi keyakinan guru dalam melaksanakan PBS ini.

Seterusnya, bagi konstruk kesediaan iaitu pengetahuan, tahap min yang diperoleh berada pada tahap yang baik iaitu guru-guru banyak bersetuju dengan soalan-soalan dalam soal selidik yang diedarkan. Guru-guru dapat membezakan penilaian sumatif dan formatif dengan baik dan mereka bersedia dalam setiap elemen yang dinilai dalam skor. Justeru itu, guru-guru berusaha menguasai pengetahuan tentang dasar-dasar dan pelaksanaan PBS ini sebagai langkah persediaan dalam menilai murid semasa murid melakukan projek. Menurut Frey dan Fisher (2004) menjelaskan tentang pentingnya pengetahuan guru dalam mengurus suatu perubahan pendidikan, malahan organisasi yang terlibat juga perlu mengetahui dan mengambil bahagian dalam pelaksanaannya secara tidak langsung. Guru juga bersedia untuk menaksir semula hasil kerja murid untuk memperbaiki skor murid dengan tahap bimbingan yang boleh diberikan semasa melakukan projek tersebut.

Penerimaan berkait rapat dengan kepercayaan, sikap dan kemahuan guru dalam melaksanakan PBS. Penerimaan merupakan tingkah laku dalaman yang dibentuk berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui dan emosi yang dapat ditunjukkan oleh seseorang terhadap sesuatu perkara. Secara keseluruhannya, guru mempunyai kepercayaan yang paling tinggi terhadap PBS berbanding sikap dan kemahuan mereka yang lebih rendah. Hal ini bermakna, guru-guru RBT amat percaya dengan pelaksanaan PBS ini dapat membantu murid memperbaiki kelemahan dalam pelajaran mereka di samping meningkatkan pengajaran guru kerana penilaian yang dilakukan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dapat memberi kebaikan kepada guru dan murid sendiri.

Guru juga percaya PBS boleh membantu murid berprestasi rendah memperbaiki kelemahan mereka dalam pelajaran seiring membantu guru memperbaiki kelemahan dalam pengajaran di dalam bilik darjah. Selain itu, guru juga percaya bahawa PBS ini dapat mengurangkan tekanan murid menghadapi peperiksaan dan dapat meningkatkan pencapaian gred murid dalam peperiksaan kerana skor PBS ini menyumbang kepada gred dalam keputusan pencapaian mereka pada hujung tahun. Guru juga percaya PBS membantu mereka menilai murid dengan lebih autentik dan holistic disamping merapatkan jurang perbezaan antara murid lemah dan murid cemerlang.

Dapatan kajian terdahulu oleh Reio (2005), Tan (2010) dan Tang (2011) menyokong dapatan kajian ini di mana mengaitkan sikap dan kemahuan yang ditunjukkan oleh guru tersebut adalah merupakan kesan akibat emosi guru yang terganggu ketika melaksanakan PBS disebabkan bebanan kerja pentadbiran lain di sekolah. Guru-guru juga terbeban dengan bilangan waktu mengajar yang banyak dan menyebabkan guru membina sikap kurang yakin PBS dapat menggantikan peperiksaan. Kesimpulannya, dapatan menunjukkan guru-guru RBT ini mempunyai sikap negatif terhadap pelaksanaan PBS.

Apabila guru mempunyai sikap negatif ini, mereka akan menunjukkan kemahuan yang rendah untuk melaksanakan PBS. Mereka tidak bersedia untuk meneruskan tugas menilai projek murid yang banyak sepanjang tahun dengan bilangan murid yang ramai dalam setiap kelas. Oleh itu, dalam proses penerimaan suatu perubahan, terutama sekali perubahan yang berskala besar, emosi guru hendaklah diurus dengan baik agar mereka dapat menguruskan perubahan dengan berkesan dan cemerlang untuk jangka masa yang panjang. Oleh itu, secara keseluruhannya, penerimaan guru terhadap pelaksanaan PBS adalah pada tahap sederhana.

Pengoperasian PBS memberi tumpuan kepada pemantauan, kesan pemantauan, kemudahan serta kos dan masa. Pemantauan dan kesan pemantauan adalah jaminan kualiti yang dilakukan dalam PBS untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran. Manakala, kemudahan serta kos dan masa adalah sistem sokongan yang perlu ada dalam memastikan pelaksanaan pentaksiran berjalan lancar dan teratur. Terdapat dua jenis pemantauan iaitu secara dalaman dan luaran. Pemantauan secara dalaman dilakukan oleh pihak pentadbiran sekolah, manakala, pemantauan secara luaran dilakukan oleh KPM, LP, Jemaah Nazir dan lain-lain.

Dapatan kajian ini menunjukkan kemudahan, kos dan masa memberi kesan yang tinggi terhadap pengoperasian PBS berbanding dengan pemantauan dan kesan pemantauan. Ini memberi petanda bahawa kemudahan, kos dan masa amat penting dan sangat membantu guru dalam melaksanakan pentaksiran ini di sekolah. Kemudahan tempat, alatan dan bahan untuk melaksanakan tugas atau projek dalam pentaksiran memainkan peranan yang penting. Keperluan seperti bahan, peralatan tangan, mesin hendaklah mencukupi untuk setiap murid dalam melakukan tugas.

Kos dan masa juga menyumbang kepada kelicinan pengoperasian PBS di sekolah-sekolah. Sumber kewangan yang mencukupi diperlukan bagi memenuhi keperluan bahan dan peralatan kerja amali. Guru mendapati perbelanjaan yang tinggi diperlukan untuk membeli bahan projek manakala, peruntukan yang diberikan oleh kementerian adalah sangat terhad. Dapatan Tan (2010) mendapati guru menghadapi tekanan bukan sahaja dari segi masa untuk melaksanakan PBS malahan kekurangan sumber untuk melaksanakannya.

Selain itu, pemantauan dan kesan pemantauan juga memberi kesan dan membantu guru dalam melaksanakan PBS. Namun, secara realitinya pemantauan dilakukan tiga kali setahun dan mungkin ada yang tidak telus dalam melaksanakan pemantauan. Pemantauan yang dilakukan oleh pihak berwajib juga tidak menyeluruh untuk memastikan pelaksanaan PBS betul dan selaras dilakukan oleh semua guru di seluruh negara. Secara keseluruhannya, pengoperasian menunjukkan tahap yang sederhana bagi pemantauan, kesan pemantauan, kemudahan, kos dan masa dalam melaksanakan PBS di sekolah-sekolah.

6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan yang telah dikemukakan, secara keseluruhannya kajian ini telah dapat menjelaskan hubungan kesediaan (latihan, pengetahuan dan kemahiran), penerimaan (kepercayaan, sikap dan kemahuan) dan pengoperasian (pemantauan, kesan pemantauan, kemudahan serta kos dan masa) terhadap amalan guru dalam melaksanakan PBS dalam kalangan responden kajian ini. Selain itu, tahap pencapaian murid juga dijelaskan dalam kajian ini.

Secara keseluruhannya, kesediaan guru berada pada tahap tinggi namun, menunjukkan hubungan yang sederhana dengan amalan. Pembolehubah latihan menunjukkan hubungan yang tinggi dengan amalan manakala, pembolehubah kemahiran dan pengetahuan menunjukkan hubungan yang sederhana tinggi dengan amalan. Selain itu, penerimaan guru berada pada tahap yang tinggi. Ini diikuti pula dengan hubungan yang tinggi ditunjukkan dengan amalan guru melaksanakan PBS. Pembolehubah kepercayaan menunjukkan hubungan yang paling tinggi berbanding pembolehubah sikap dan kemahuan dengan amalan guru. Manakala, pembolehubah sikap dan kemahuan menunjukkan hubungan yang tinggi juga dengan amalan guru melaksanakan PBS.

Seterusnya, konstruk pengoperasian pula berada pada tahap yang sederhana. Oleh itu, secara keseluruhannya, hubungan yang sederhana ditunjukkan di antara pengoperasian dengan amalan guru. Hubungan yang sederhana ditunjukkan oleh pembolehubah-pembolehubah pengoperasian iaitu pemantauan, kesan pemantauan, kemudahan serta kos dan masa dengan amalan guru melaksanakan PBS. Akhir sekali, dapatan kajian menunjukkan tiada peningkatan dalam pencapaian murid sepanjang pelaksanaan PBS. Hal ini menunjukkan bahawa PBS tidak memberi impak yang besar kepada murid dan perkara ini perlu diambil serius demi memartabatkan sistem pendidikan di negara kita agar manfaatnya dapat dirasakan oleh semua golongan iaitu murid dan guru.

Rujukan

- Mazlini Adnan & Norfazelatwati Abd. Kadir. (2014). *Amalan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Dalam Kalangan Guru Matematik Sekolah Menengah*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Linda Dale Bloomberg & Marie Volpe (2008). *Completing Your Qualitative Dissertation, A Roadmap From Beginning To End*. Sage Publication.
- Mazliyana Ayub (2011). Budaya Kesamaan dan Kekuasaan Dalam Pembelajaran Pelajar Pendidikan Teknik dan Vokasional: Kajian Kes Kualitatif Dimensi Hubungan Sosial. Laporan Projek Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Salbiah Ishak. (1998). Amalan Penilaian Formatif Dalam Pelaksanaan Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah Oleh Guru Bahasa Melayu Dan Matematik. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Dasar Pendidikan Kebangsaan. Dicapai pada Mei 20, 2017, di <http://www.moe.gov.my/bppdp/dasar/BUKU%20DASAR.pdf>.
- Matlamat dan Misi. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah PBS (2010) Dicapai pada Oktober 22, 2017 di www.ppdktu.gov.my/v1/?p=2079
- Mok Soon Sang (2004). *Pedagogi untuk KDP, Semester 5*. Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Atan Long (1982). "Pedagogi Kaedah Am Mengajar ." Petaling Jaya: Amiza Publishing Sdn Bhd.
- Mok Soon Sang. (1991). Kurikulum Baru Sekolah Rendah, Tahap I, Siri Maktab Perguruan. Kuala Lumpur : Heinemann Malaysia Sdn. Bhd.
- Sherri L. Jackson. (2006). *Research Methods and Statistics: A Critical Thinking Approach*. United States: Thomson Wadsworth.
- Hamidah Yusof, Jamal Yunus & Khalip Musa. (2015). Kaedah penyelidikan: Pengurusan pendidikan. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Talib. (2016). Tulis Tesis Cepat: Teknik Efektif dan Efisien. Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Publication.
- Krejcie & Morgan. 1970. Dlm. Aziziet.al. (2007). Manual pentaksiran berasaskan sekolah. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2008). Pentaksiran berasaskan sekolah. Putrajaya: Unit UPSR.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Yahaya, A. (2007). Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn. Bhd.
- Mak, Soon Sang. (1990). *Pedagogi 4: Pemulihan, Pengayaan dan Isu Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan. (4th ed.).(2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Pusat Perkembangan Kurikulum.(2001). Falsafah Pendidikan Kebangsaan.